

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Kesihatan memandang serius isu-isu yang dibangkitkan oleh masyarakat berkaitan vaksin dan Program Imunisasi, terutama oleh kumpulan menolak vaksin. Banyak penulisan yang tidak beretika dan tidak berlandaskan fakta disebar di media sosial sehingga mengelirukan masyarakat. Pihak kementerian sentiasa menyantuni isu-isu yang dibangkitkan melalui pelbagai saluran, dengan disokong oleh bukti-bukti sahih. Pertanyaan perlu diajukan kepada pakar di dalam bidang yang berkenaan. Persoalan berkaitan polisi perlu dirujuk kepada organisasi dan bukan berdasarkan pendirian individu. Contohnya: persoalan hukum vaksin boleh diajukan kepada pihak JAKIM dan Majlis Fatwa Kebangsaan.

Kesemua vaksin yang didaftarkan di Malaysia telah dinilai dengan teliti oleh jawatankuasa pakar dari segi keselamatan, kualiti serta keberkesanannya. Kesemua vaksin di dalam Program Imunisasi Kebangsaan tidak mengandungi unsur khinzir. Kesan advers produk vaksin pula dipantau secara berterusan oleh Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan. Sehingga Julai 2015, sebanyak 964 laporan telah diterima oleh pihak KKM (791 berkaitan vaksin HPV dan 173 untuk lain-lain vaksin). Setiap kesan advers yang dilaporkan telah disiasat dan didapati majoriti kesan advers tersebut adalah kesan advers ringan dan pengadu telah sembuh tanpa komplikasi.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kesihatan telah menjalankan pelbagai strategi bagi menangani kumpulan menolak vaksin di Malaysia. Antaranya:

- i. Penjaga atau individu yang telah dikenalpasti akan diberikan kaunseling individu atau berkumpulan.
- ii. Menyediakan informasi berkaitan vaksin dan imunisasi dalam pelbagai medium (bercetak dan elektronik).
- iii. Bekerjasama dengan badan professional lain seperti *Malaysian Paediatric Association* (MPA) dan *Malaysian Society of Infectious Disease Chemotherapy* mempromosi imunisasi dengan mewujudkan laman sesawang www.immunise4life.my.
- iv. Mengadakan sambutan Minggu Imunisasi pada setiap minggu keempat bulan April.
- v. Meningkatkan kerjasama lain-lain agensi terutama semasa pra-pendaftaran ke pusat asuhan, pra-sekolah, taska, tadika dan sekolah.
- vi. Memperkukuh sistem surveilan bagi memantau masalah dan impak terhadap masyarakat dan negara.

Kementerian Kesihatan telah memperuntukkan sebanyak dua (2) juta ringgit pada tahun 2016 ini bagi menjalankan kempen di seluruh negara. Dalam masa yang sama terus memperkukuhkan sistem penyampaian kesihatan dan memperkasakan masyarakat untuk sama-sama bertindak menangani isu-isu berkaitan vaksin dan imunisasi.

Tuan Yang Dipertua,

Saya menyeru masyarakat agar sentiasa mendapatkan maklumat perubatan dan kesihatan dari sumber-sumber yang sahih. Kejahilan dalam menyebarkan maklumat yang salah akan memberi impak besar kepada diri, keluarga dan negara.